


Anak Syarikat FGV dan CEOnya Terima ANUGERAH KECEMERLANGAN



Sheikh Awab (tengah).CEO yang diiktiraf kecemerlangannya.



Gambar hiasan... keadaan di dalam sebuah kilang milik MSM Malaysia Holdings.

KUALA LUMPUR - Salah sebuah anak syarikat FELDA Global Ventures Holdings (FGV) iaitu MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) telah terpilih menjadi penerima Anugerah Kecemerlangan Dalam Sektor Pembuatan pada majlis Anugerah Keeimpinan Global 2015 yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Lebih membanggakan lagi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheik Abod turut dipilih sebagai penerima Anugerah CEO Cemerlang tahunan. Kedua-dua pengiktirafan tersebut dinilai oleh pakar-pakar industri.

Sheikh Awab dalam satu kenyataannya berkata, pengiktirafan tersebut akan terus memacu MSM kerah matlamatnya menjadi salah satu peneraju global menjelang 2020, selain mengukuhkan kedudukan-

nya sebagai syarikat pengeluar gula tempatan yang utama. "Saya berasa gembira dengan dua anugerah yang diterima ini dan ia merupakan pengiktirafan sebenar bagi pencapaian MSM dalam industri gula," kata beliau dalam kenyataan itu.

Kemenangan MSM dipilih berdasarkan kepada penglibatan sistem syarikat itu dalam pertumbuhan perniagaan serta pembangunan komuniti, usaha berterusan dan sumbangsih terhadap pembangunan serta perkembangan ekonomi selain pengukuhkan perniagaannya ke arah pencapaian lebih tinggi.

Sementara itu Sheikh Awab pulak dipilih berdasarkan kepada usaha dan pencapaianannya dalam membawa MSM ke tahap baharu, iaitu daripada pemain industri tempatan kepada peneraju pasaran global.

FELDA Lui Muda Adakan Kempen Tingkat Kualiti BTS



JEMPOL - Pengurusan FELDA Lui Muda berhasrat untuk mengadakan kempen meningkatkan kualiti buah tandan segar (BTS) dalam tempoh tiga atau empat bulan sekali.

Pengurus FELDA Lui Muda, Mohd Shah Mohamed berkata, ketika ini terdapat BTS muda diutai oleh pekerja Penuai menyebabkan kadar perahan digred (KPG) yang diterima oleh pihak rancangan menjadi rendah iaitu berada di bawah tahap 20 peratus.

"Apabila terdapat BTS muda bercampur masak diantar ke kilang sawit di sini, pihak kilang terpaksa menolak BTS muda. Ini kerana peratusan itu tidak

menyamai kadar perahan asas (KPA) yang sepatutnya 20.5 peratus. "Sekali gus keadaan itu menyebabkan pendapatan peneroka terjejas dan rugi. Dalam masa kemasakan BTS ini melelohi 95 peratus untuk dihantar ke kilang," katanya ketika ditemui di ladang FELDA Lui Muda, dekat sini.

Jelasnya, masalah penuaian BTS muda ini telah berlariutan sejak dua tahun lalu.

"Untuk itu, kita laksanakan kempen ini agar hasil sawit kita meningkat. Menersi kempen ini kita buat demonstrasi mengenai pemilihan buah sawit mana yang

perlu dituai kepada pekerja juga beberapa pihak terlibat.

"Kita juga bercadang untuk membawa beberapa pihak ke kilang sawit Serting dekat sini untuk mempelajari cara mengred buah sawit," katanya.

Sementara itu, Ketua kompong FELDA Lui Muda, Zahari Md.Din berkata, pihaknya menyambut baik usaha pengurusan FELDA itu kerana janya adalah untuk kebaikan semua pihak khasnya, peneroka.

"Kita sama-sama baiki mana yang perlu dibaiki selain bersedia menerima teguran.

"Namun tanpa kerjasama semua pihak usaha ini tidak akan berjaya," katanya.

Mohd Shah Mohamed (kiri) memberi penerangan kepada peneroka mengenai BTS.